



Pembukaan Linggi Kini

PENGENALAN



INGGI Kini (selepas ini disebut sebagai Linggi sahaja) terletak agak jauh di bahagian pedalaman Sungai Linggi. Jaraknya dari kuala Sungai Linggi kira-kira 11 hingga 19 kilometer. Kampung-kampung yang termasuk dalam wilayah Linggi terdiri daripada Tampin Linggi (termasuk Tampin Kanan dan Tampin Kiri), Linggi, Pangkalan Kundang,¹ Pangkalan Durian (Dian),² Pangkalan Kempas, dan Simpang Linggi (lihat Peta 5). Kesemua kampung tersebut terletak di tebing sungai seperti Sungai Linggi, Sungai Solok dan Sungai Panchor.

Sejak Linggi dibuka ia telah diberi taraf sebagai sebuah wilayah atau dalam konteks struktur politik Negeri Sembilan tradisional, sebuah *nagari* (negeri). Walaupun begitu statusnya, Linggi tidak pernah dianggap sebagai salah sebuah negeri yang menganggotai Negeri Sembilan tradisional. Linggi hanya wujud dalam abad ke-19 dan merupakan anak kandung kerajaan Rembau dan Sungai Ujong. Sebagai sebuah wilayah Linggi mempunyai sempadan yang ditetapkan. Menurut Wilkinson (1921:139-9) wilayah Linggi merupakan satu kawasan di tebing Sungai Linggi, ke hulu bersempadankan Kuala Selebu (Seliau sekarang), ke hilir hingga Bukit Tiga dan Sungai Serban dan ke pedalaman hingga Tampin Kecil bertentangan dengan Permatang Pasir.

Linggi yang terletak di antara wilayah pengeluar bijih, Sungai Ujong, dan pasar pelabuhan, Melaka, telah membangun dengan pesat. Dalam tempoh tidak sampai dua dekad, daripada hanya sebuah perkampungan yang tidak signifikan, Linggi telah menjadi sebuah petempatan penting. Kedudukannya sebagai sebuah petempatan sungai dan terletak pula di tebing sungai yang menjadi laluan utama perdagangan pada masa itu—Sungai Linggi—adalah faktor yang membantu perkembangannya dari segi politik dan ekonomi. Sungai Linggi telah memainkan peranan penting dalam sistem dan perkembangan ekonomi Negeri Sembilan pada abad ke-19 kerana ia merupakan jalan yang paling baik untuk mengeksport bijih timah (Cowan, 1961:40; 1970:54). Dalam konteks ini pembesar-pembesar Linggi mempunyai kedudukan istimewa untuk memonopoli perdagangan bijih timah di

sungai tersebut kerana barang tersebut disimpan dahulu di Linggi sebelum dieksport ke Melaka. Justeru itu, pembesar-pembesar Linggi telah memperoleh sedikit sebanyak keuntungan daripada cukai yang dikenakan ke atas barang dagangan yang keluar masuk melalui Sungai Linggi.

Di samping membantu perkembangan ekonomi Negeri Sembilan, khususnya dalam perniagaan bijih timah yang keperluannya semakin meningkat, Sungai Linggi juga menimbulkan pergolakan politik. Keadaan ini akhirnya menjadi punca pertelingkahan antara Linggi dengan kerajaan-kerajaan Rembau, Sungai Ujong dan secara tidak langsung dengan Selangor. Setiap pembesar cuba menguasai politik dan ekonomi Sungai Linggi. Mereka ingin mendapat bahagian daripada penggunaan Sungai Linggi sebagai laluan untuk mengeksport barang dagangan. Beberapa orang pembesar telah mendirikan pusat pencukaian di sepanjang sungai tersebut. Persaingan ini telah menyebabkan keadaan politik di Negeri Sembilan bergelora sehingga mewujudkan suatu keadaan tidak aman dalam negeri-negeri yang bersempadankan Sungai Linggi.

Persaingan di kalangan pembesar-pembesar Melayu ini telah menjejaskan perdagangan dan para peniaga Melaka dan Singapura yang telah menanam modal serta menjalankan perusahaan tersebut. Mereka terdiri daripada rakyat British. Justeru itu, konflik di wilayah Linggi itu merebak dan tidak lagi terhad kepada negeri-negeri Melayu di sekitarnya, tetapi telah juga melibatkan pihak berkuasa Melaka dan Singapura yang terpaksa campur tangan untuk menjaga kepentingan rakyatnya. Keadaan anarki di kawasan tersebut telah dijadikan salah satu faktor penyebab oleh pihak Inggeris untuk menguasai pentadbiran negeri-negeri Melayu di sekitar lembah Sungai Linggi, khususnya Linggi.

Linggi sebagai wilayah yang seolah-olah tersepit di bahagian tengah wilayah yang berkonflik itu tidak dapat mengelak daripada terlibat. Di sinilah letaknya salah satu peranan Linggi Kini dalam memberi sumbangan, kesan dan pengaruh kepada perkembangan sejarah politik, ekonomi dan sosial Negeri Sembilan secara keseluruhan.

SIAPAKAH MEMBUKA LINGGI?

Pensejarahan Linggi, setakat yang ditemui, telah mengemukakan dua nama sebagai orang yang mula-mula membuka Linggi. Pertama ialah penulisan Wilkinson. Beliau menyatakan bahawa rombongan peneroka itu telah diketuai oleh Datuk Lebai Dolman (Wilkinson, 1921:138). Pernyataan Wilkinson selari dengan laporan daripada sekurang-kurangnya lima buah manuskrip³ tempatan. Manuskrip-manuskrip tersebut adalah:

1. 'Membuka Linggi'. Manuskrip ini tidak mempunyai tarikh. Ia telah disalin semula oleh Cikgu Abdul Samad bin Zainuddin⁴ alias Abdul Samad bin Bulat. Beliau juga tidak mencatatkan tarikh.

2. 'Fasal Peringatan Orang yang Mula-mula Membuka Linggi'.⁵ Manuskrip ini telah disalin oleh Cikgu Abdul Samad bin Zainuddin dari khat Haji Mohd. Bakhir.⁶ Beliau mendapat manuskrip ini daripada Ibrahim bin Datuk Muda Haji Mohd. Farghal dari Tanjung Malin pada 17 Jun 1924.
3. 'Fasal Peringatan Orang yang Mula-mula Membuka Linggi dan Yang Menjadi Ketuhaanya'. Manuskrip ini juga telah disalin semula oleh Cikgu Abdul Samad bin Zainuddin pada 7 November 1931.
4. 'Salinan Surat Cikgu Abbas⁷ kepada D.O. Port Dickson Bertarikh 28.7.1924 yang ada dalam Fail D.O.P.D. 221/23'.
5. 'Salinan Surat Datuk Muda Mohd. Bastam kepada Tuan Residen Negeri Sembilan'.
6. 'Membuka Linggi Imam Ambak'.⁸

Keenam-enam manuskrip ini sependapat menyatakan Linggi telah dibuka oleh Datuk Lebai Dolman (Dolaman), cucu Datuk Serilah. Namun, manuskrip-manuskrip ini berbeza tentang siapa yang turut sama dengannya. Perbezaan pendapat ini membolehkan kita mengelompokkan manuskrip-manuskrip itu ke dalam tiga kumpulan.

Kumpulan pertama ialah manuskrip-manuskrip yang menyatakan beberapa orang lain telah turut bersama-sama dengan Lebai Dolman semasa membuka Linggi. Manuskrip-manuskrip yang tergolong dalam kumpulan ini ialah:

1. Manuskrip 'Membuka Linggi'.⁹ Menurut manuskrip ini, orang yang turut serta ialah Kanda Ali, Lebai Dolman, Haji Kassim bin Khatib Jamaluddin dan adiknya, Khatib Muda (kedua-duanya cucu Awaluddin), dan Encik Mahmud.
2. Manuskrip 'Surat Salinan Cikgu Abbas kepada D.O. Port Dickson bertarikh 28.7.1924 yang ada dalam Fail D.O.P.D. 221/23'.¹⁰ Mereka yang mengiringi Lebai Dolman mengikut catatan manuskrip ini ialah Haji Kassim, Khatib Musa, Mahmud dan Kanda Ali.
3. Manuskrip 'Membuka Linggi Imam Ambak'.¹¹ Keterangan yang diberikan oleh manuskrip ini agak terperinci. Manuskrip ini telah mencatatkan nama-nama orang yang turut bersama dengan Lebai Dolman membuka Linggi. Namun, bilangan mereka agak berbeza dengan dua buah manuskrip lain dalam kumpulan ini. Manuskrip ini telah menyebut enam nama di samping nama Lebai Dolman, iaitu Kanda Ali, Sulong Mahmud, Ibrahim, Haji Mohamad Kassim, Khatib Musa, dan Noh. Selain itu, manuskrip ini juga menyatakan bahawa setiap orang itu, termasuk Lebai Dolman, ada membawa bersama isteri masing-masing pada masa membuka petempatan-petempatan tersebut. Selanjutnya, manuskrip ini telah juga mengenal pasti petempatan-petempatan yang mereka buka. Berkaitan dengan ini manuskrip ini menyatakan:

Adapun yang mula-mula berjumpa kelayakannya itu ialah Tok Sulong Mahmud suami isteri dinamakan Pangkalan Kundang. Kemudian berjalan sekaliannya meng-

hulu semula maka berjumpa mereka itu satu rumah orang namanya Tok Subuh suami isteri halnya sudah lama di situ dia lari dari negeri Sumatera. Mak Jenu (mungkin isteri Tok Ibrahim) dan Tok Ibrahim tinggallah di rumah Tok Subuh itu menanti kerana ia sudah tuha. Kemudian berjalan mereka itu menghulu lagi maka berjumpa Tok Kekanda Ali suami isteri akan tempat kelayakannya dinamakan Kampung Hilir. Kemudian berjalan mereka itu menghulu lagi maka berjumpa Tok Lebai Dolman suami isteri tempat kelayakannya dinamakan Kampung Tengah. Tok Haji Mohamad Kassim suami isteri akan tempat kelayakannya dinamakan Kampung Hulu. Kemudian berjalan mereka itu menghulu lagi berjumpa Tok Khatib Musa suami isteri akan tempat kelayakannya dinamakan Kampung Telok Rumbia. Kemudian berjalan mereka itu lagi maka berjumpa Tok Noh suami isteri akan tempat kelayakannya dinamakan Kampung Tampin.

Satu lagi fakta tambahan yang tercatat dalam manuskrip ini, seperti yang tertera dalam petikan di atas ialah pada masa Lebai Dolman dan rakan-rakannya sedang mencari petempatan yang sesuai (kelayakan) untuk diri masing-masing, di kawasan tersebut (tidak disebut secara khusus di mana) telah pun ada orang tinggal. Orang itu ialah 'Tok Subuh suami isteri' dan beliau (mereka?) adalah 'dari Sumatera' dan 'sudah lama (tinggal) di situ'. Manuskrip-manuskrip Linggi yang lain tidak ada menyebut tentang kehadiran Tok Subuh ini.

Kumpulan kedua ialah manuskrip-manuskrip yang menyatakan Lebai Dolman dan adiknya Kanda Ali sahaja yang mula membuka Linggi. Rakan-ranya yang lain datang kemudian. Manuskrip-manuskrip tersebut adalah terdiri daripada:

1. 'Peringatan Orang Yang Mula-mula Membuka Linggi'.¹² Manuskrip ini melaporkan: Sanat 1215 mula-mula Linggi dibuka oleh Lebai Dolman berdua beradik dengan Kanda Ali kemudian tiada beberapa lamanya datang pula Haji Kassim bin Khatib Jamaluddin anak Datuk Awaluddin (Abdul Aziz Salleh, 1973:184).
2. 'Fasal Peringatan Orang Yang Mula-mula Membuka Linggi dan Yang Jadi Ketuahan'.¹³ Menurut manuskrip ini orang yang mula-mula membuka Linggi ialah Lebai Dolman dan adiknya Kanda Ali. Kemudian tidak beberapa lamanya datang pula Haji Kassim serta Mahmud — (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:186).

Antara manuskrip 'Fasal Peringatan Orang yang Mula-mula Membuka Linggi dan Yang Jadi Ketuahan' dengan manuskrip 'Peringatan Orang yang Mula-mula Membuka Linggi' terdapat sedikit perbezaan. Manuskrip 'Fasal Peringatan Orang Yang Mula-mula Membuka Linggi dan Yang Jadi Ketuahan' menyebut dua nama yang datang kemudian, iaitu Mahmud dan Haji Kassim. Manuskrip 'Peringatan Orang Yang Mula-mula Membuka Linggi' pula hanya menyebut satu nama sahaja, iaitu Haji Kassim bin Khatib Jamaluddin.

Kumpulan ketiga terdiri daripada sebuah manuskrip sahaja, iaitu 'Sa-

linan Surat Datuk Muda Muhamad Bastam kepada Tuan Residen Negeri Sembilan'.¹⁴ Manuskrip ini menyatakan bahawa selain Lebai Dolman dan Kanda Ali, Mahmud juga telah turut bersama-sama membuka Linggi. Orang lain, Haji Kassim dan adiknya, Khatib Musa datang kemudian. Manuskrip ini agak jelas dan tegas tentang jarak masa bila Haji Kassim dan Khatib Muda datang, iaitu 'tiga tahun lebih kurang' selepas Linggi dibuka.

Daripada huraian itu, walaupun terdapat sedikit perbezaan, kesemua manuskrip ini sepakat menyatakan bahawa Lebai Dolman adalah orang yang bertanggungjawab meneroka Linggi (Kini).

Selain manuskrip-manuskrip tempatan, penulis-penulis Barat juga telah mengemukakan pendapat masing-masing. Wilkinson (1921), mungkin salah seorang daripada sarjana Barat yang awal menulis tentang pembukaan Linggi. Bagaimanapun beliau hanya menyentuhnya secara sambil lalu sahaja. Dalam penulisannya itu, beliau sependapat dengan manuskrip-manuskrip Linggi semasa menyatakan Linggi telah dibuka oleh Lebai Dolman (Wilkinson, 1921:138-9). Namun, beliau tidak menyebut nama-nama orang lain yang turut bersama-sama dengan Lebai Dolman, dan juga tidak memberikan catatan lanjut tentang proses sejarah pembukaan kawasan tersebut.

Lebih kurang 28 tahun selepas penulisan Wilkinson, Gullick pula telah menerbitkan satu artikel yang juga menyentuh tentang pembukaan Linggi. Karya Gullick ini agak berbeza sedikit daripada penemuan Wilkinson dan data-data daripada manuskrip-manuskrip Linggi. Beliau menyatakan bahawa yang membuka Linggi ialah Datuk Awaluddin dan kakaknya Datuk Serilah (Gullick, 1949:59). Setakat ini belum ditemui manuskrip tempatan yang memberi pendapat selari dengan saranan Gullick. Manuskrip tempatan ada menyebut nama-nama tersebut tetapi tidak menyatakan bahawa mereka bertanggungjawab terhadap pembukaan Linggi.

Menurut Gullick, Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah bersama-sama dengan pengikutnya telah berpindah dari Kampung Bandar di Penajis, Rembau mencari petempatan baru. Mereka memudiki Sungai Linggi lalu singgah bermalam pada satu tempat yang kemudian dikenali sebagai Pangkalan Kundang. Pada pagi esoknya, apabila bangun, beliau telah melihat titik-titik air embun bermanik-manik dan berkaca-kaca disinari matahari di hujung daun. Datuk Awaluddin lalu memilih tempat itu untuk diteroka. Seterusnya Gullick telah mengesahkan bagaimana kawasan itu mendapat nama Linggi. Menurut Gullick, semasa Datuk Awaluddin membuka hutan itu dia telah menemui satu alat yang biasa dipasang di dalam perahu. Alat tersebut disebut 'linggi-linggi'. Sempena nama alat tersebut Datuk Awaluddin telah menamakan kawasan baru itu sebagai *Linggi*. Namun, tambah Gullick, oleh sebab kawasan itu sering dilanda bencana alam sehingga tidak dapat mengeluarkan hasil yang memuaskan, Datuk Awaluddin dan pengikutnya telah mengambil keputusan untuk meringgalkan sahaja

petempatan itu. Mereka telah balik semula ke Kampung Bandar di Penajis (Gullick, 1949:58-9).

Pernyataan Gullick tentang Datuk Awaluddin membuka Linggi adalah berdasarkan cerita lisan orang Linggi. Cerita lisan ini sememangnya menjadi pengetahuan beberapa orang penduduk Linggi (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:39) tetapi ia tidak didokumentasikan. Abdul Aziz bin Salleh sendiri mengakui bahawa cerita lisan seperti yang dirakamkan oleh Gullick pernah diceritakan kepadanya semasa bertemu ramah dengan Haji Mohd. Yusof bin Ahmad, pada bulan Mac 1973. Menurut Abdul Aziz, Haji Mohd. Yusof mendapat cerita itu daripada ayahnya Ahmad bin Ibrahim yang mendengarnya daripada Rashidah binti Datuk Muda Haji Mohd. Salleh. Ahmad bin Ibrahim telah dilahirkan pada 8 April 1864 dan meninggal dunia pada 11 Jun 1927.¹⁵

Berdasarkan keterangan Haji Mohd. Yusof bin Ahmad, seperti yang dikutip oleh Abdul Aziz bin Salleh (1973:39), nyatalah bahawa kisah lisan ini telah ada pada sekitar tahun 1864; dan berkemungkinan besar lebih awal daripada tarikh itu. Cerita lisan ini baru berumur kira-kira 64 tahun dan berkemungkinan telah dicipta lebih awal daripada tarikh itu kerana pencerita kepada Ahmad bin Ibrahim, iaitu Rashidah, ialah anak kepada Datuk Muda Haji Mohd. Salleh, Datuk Muda Linggi ke-3 (Penghulu Linggi ke-4) dan menantu kepada Jeragan Abdul Rahman, Penghulu Linggi ke-2. Memandangkan pencerita asalnya (?) itu, Rashidah, sangat hampir hubungannya, baik dari segi kekeluargaan mahupun masa, dengan Datuk Serilah dan Datuk Awaluddin, tidak mungkin isi cerita sengaja direka-reka untuk kepentingan tertentu.

Apa yang boleh kita andaikan di sini setelah melihat kedua-dua versi tentang siapa yang membuka Linggi ialah Datuk Awaluddin berserta kakaknya, Datuk Serilah, dan pengikutnya sememangnya telah pernah 'membuka' Linggi. Mereka mungkin telah tinggal di sana untuk beberapa musim (padi?); tetapi oleh sebab banyak sangat bencana alam yang harus mereka hadapi dan hasil yang diperolehi selepas bertungkus-lumus cuba menangani masalah tersebut masih tidak mencukupi, mereka tidak ada pilihan melainkan meninggalkan sahaja kawasan tersebut. Oleh sebab tidak dipedulikan lagi, dalam tempoh beberapa tahun sahaja kawasan tersebut telah balik kepada keadaan asalnya, iaitu menjadi hutan rimba.

Berkemungkinan selepas balik ke Kampung Bandar di Penajis itu, Datuk Awaluddin dan pengikut-pengikutnya tidak berminat lagi memperbaiki kawasan Linggi itu. Beliau menetap di Kampung Bandar dan mempunyai kerjaya sebagai guru agama. Di samping menjadi guru agama Datuk Awaluddin juga menjalankan perniagaan dan beliau sering berulang-alik ke Riau dan Melaka.

Sebagai guru agama, salah seorang muridnya ialah Pekak. Dalam tahun 1790, Pekak telah dipilih menjadi Penghulu (Undang) Rembau menggan-

tikan Datuk Lela Maharaja Lulinsuh yang telah meninggal dunia. Datuk Sedia Raja Pekak, walaupun telah menjadi penghulu sebuah kerajaan, masih berguru dengan Datuk Awaluddin (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:164). Datuk Awaluddin mungkin masih ingin mencari petempatan baru atau berminat memperbaiki kawasan Linggi, tetapi beliau tidak dapat berbuat demikian kerana komitmennya sebagai guru kepada Datuk Sedia Raja Pekak, Penghulu Rembau. Oleh itu perpindahan beliau tidak diresnui. Tambahan pula pada ketika itu umurnya telah agak lanjut.

Oleh itu, tugas mencari dan membuat petempatan baru, adalah terletak di atas bahu orang muda. Orang yang paling sesuai untuk tugas ini ialah Datuk Lebai Dolman, cucu saudara kepada Datuk Awaluddin. Datuk Lebai Dolman berserta dengan beberapa orang lain (kebanyakannya ialah saudara sepupunya sendiri) seperti yang dinyatakan, telah mengikut jejak langkah datuk dan neneknya mencari petempatan baru. Menurut manuskrip 'Membuka Linggi Imam Ambak' mereka telah bertolak dari Kampung Bandar dengan menggunakan perahu kulit untuk mencari kawasan baru. Mereka telah memudiki Sungai Linggi sehingga ke Seliau, tetapi tidak seorang pun yang bersetuju untuk menjadikan kawasan Seliau itu sebagai satu petempatan baru. Justeru itu, mereka telah menghilir semula hingga ke Pangkalan Kundang (Hamid Abdullah, 1984:45, 366). Di sekitar kawasan Pangkalan Kundang itulah, seperti yang diuraikan, mereka menemui kawasan yang sesuai (berkelayakan) untuk dijadikan perkampungan baru.

Pada hakikatnya, kawasan di sekitar Pangkalan Kundang adalah kawasan yang pernah ditemui dan dibuka oleh datuk (Datuk Awaluddin) dan nenek (Datuk Serilah) mereka beberapa tahun sebelum itu. Oleh sebab telah lama ditinggalkan dan tidak pula dijaga, kawasan itu telah menjadi hutan rimba semula. Justeru itu, tugas yang dipikul oleh Datuk Lebai Dolman dan rakan-rakannya adalah sama berat seperti orang membuka hutan dara, dan bukan hanya tugas 'membuka semula' hutan yang telah diteroka. Namun, oleh sebab Datuk Lebai Dolman dan rakan-rakannya masih muda berbanding dengan umur Datuk Awaluddin, mereka telah dapat bertahan sehingga petempatan itu berubah menjadi sebuah perkampungan sara diri yang sesuai untuk dijadikan sebuah wilayah.

Daripada huraian di atas nyatalah bahawa Linggi telah dirintis oleh Datuk Awaluddin dan pengikut-pengikut yang segenerasi dengannya. Oleh sebab keadaan tertentu dan tekanan alam (bencana semula jadi dan usia mereka), petempatan itu tidak kekal. Ia terpaksa dan telah ditinggalkan begitu sahaja. Penerokaan dan usaha gigih yang dilakukan oleh generasi lebih muda pimpinan Datuk Lebai Dolman telah berjaya menjadikan petempatan Linggi itu sebuah perkampungan.

Rumusan yang dapat diutarakan tentang pembukaan Linggi adalah seperti berikut:

1. Datuk Awaluddin berserta Datuk Serilah telah *merintis* jalan untuk pembukaan Linggi.
2. Datuk Lebai Dolman, dua generasi di bawah pimpinan Datuk Awaluddin, adalah peneroka semula jalan rintis yang telah dibuat oleh datuk dan neneknya. Mereka adalah 'peneroka' sebenar wilayah Linggi.

DATUK AWALUDDIN DAN DATUK SERILAH

Kedua-dua nama ini sering disebut dalam hampir kesemua penulisan—baik dalam bentuk manuskrip ataupun telah dicetak—tentang sejarah pembukaan Linggi. Mereka ialah dua orang adik-beradik, iaitu Awaluddin adik dan Serilah, kakak. Mereka dikatakan datang daripada keluarga terkemuka dan generasi kedua orang Bugis di Riau.

Ada pelbagai pendapat telah dikemukakan berhubung dengan sebab Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah meninggalkan Riau. Menurut Muhammad Yusof bin Ahmad (1970)¹⁶ yang sependapat dengan Gullick (1949),¹⁷ mereka berpindah kerana menyertai Daing Kemboja dan orang Bugis lain yang keluar dari Riau dalam tahun 1754. Daing Kemboja dan sebahagian besar daripada pengikutnya telah menetap di Kuala Linggi, tetapi Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah berserta keluarga telah membuat petempatan di Telok Ketapang, Melaka, yang telah sedia ada perkampungan orang Bugis.¹⁸

Imam Ambak dalam menghuraikan mengapa Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah meninggalkan Riau telah memberikan sebab yang lain. Menurut, Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah ialah anak Daing Cellak atau disebutnya (Imam Ambak) sebagai Sultan Alaudin, Yamtuan Muda Riau II (1728–45). Daing Cellak, semasa menjadi Yamtuan Muda telah memerintahkan anak-anaknya Awaluddin dan Serilah serta memenantunya, Lebai Kunut,¹⁹ pergi ke Sulawesi.²⁰ Tujuan mereka ke sana adalah untuk menuntut harta pusaka yang tertinggal. Pemergian mereka itu telah dilengkapkan oleh Sultan Alaudin dengan peralatan perang dan tentera. Dalam pelayaran, semasa singgah di suatu tempat²¹ (pulau?), mereka telah berunding mencari jalan yang paling baik bagi mendapatkan harta pusaka itu. Setelah berbincang, Lebai Kunut telah mencadangkan supaya diadakan pertandingan mentafsir ayat *al-Quran* yang berkaitan dengan pemerintahan yang baik. Ayat yang dicadangkan dalam pertandingan mentafsir itu ialah: *Iaqad a taina kasab am min almatha ni wal Quran nil azim.*²²

Setelah putus bicara mereka pun meneruskan pelayaran. Apabila sampai di Sulawesi mereka telah pergi menghadap raja. Datuk Awaluddin yang dilantik sebagai jurucakap rombongan Riau itu, telah menyatakan tujuan mereka datang dan menerangkan cara yang telah mereka putuskan bagi menentukan siapa yang berhak mendapat harta pusaka itu. Cadangan

orang Riau itu telah diperkenan oleh raja. Pertandingan ini berakhir dengan kemenangan di pihak Riau. Sebagai dijanjikan raja telah menyerahkan segala harta pusaka yang dituntut. Setelah itu Awaluddin adik-beradik berserta angkatan perang Riau telah belayar balik ke Riau.

Daing Cellak tidak suka dengan cara anak-anaknya mendapatkan harta pusaka itu. Baginya, perbuatan itu adalah satu penipuan dan memberi malu kepadanya. Beliau telah menyuruh anak-anaknya balik semula ke Sulawesi dan mendapatkan harta pusaka itu melalui peperangan.

Akibat supaya mengadakan pertumpahan darah inilah Datuk Awaluddin, Datuk Serilah dan Lebai Kunut serta anak-anaknya membuat keputusan untuk mencari tempat tinggal lain. Mereka juga berjanji, mulai saat itu merahsiakan 'pangkat raja' dan 'pantangkan semenda-menyemenda dengan raja' serta 'menyemenda dengan jariah orang'. Di samping itu, mereka juga berikrar akan 'mengikut adat kitab (*al-Quran*) dan sunah (Nabi)' dalam kehidupan sehari-harian mereka (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:26-8). Selanjutnya manuskrip 'Membuka Linggi Imam Ambak' menyatakan bahawa selepas mencapai keputusan itu, maka belayarlah sekaliannya hingga sampai ke pantai Batang Tiga, Melaka.

Fakta-fakta berkaitan dengan perpindahan Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah daripada tiga buah penulisan ini menunjukkan adanya perbezaan maklumat. Perbezaan ini membolehkan kita untuk mengelompokkan fakta-fakta itu ke dalam dua kumpulan. Satu kumpulan terdiri daripada karya-karya Gullick dan Muhammad Yusof bin Ahmad. Kedua-dua buah karya ini memberikan pernyataan yang hampir serupa. Kumpulan kedua ialah manuskrip Imam Ambak.

Percanggahan maklumat ini antara lain adalah, pertama berkait dengan masa atau tarikh bila Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah bersama-sama keluarganya berpindah. Kedua ialah tempat yang dituju selepas mereka meninggalkan Riau.

1. *Percanggahan masa*. Mengikut laporan Imam Ambak, mereka telah berpindah pada zaman pemerintahan Sultan Alaudin, iaitu Daing Cellak sebagai Yamtuan Muda Riau. Daing Cellak menyandang pusaka itu antara tahun 1728 hingga 1745. Justeru itu, perpindahan itu berlaku beberapa tahun sebelum tahun 1745. Gullick dan Muhammad Yusof bin Ahmad pula menyatakan mereka pindah pada zaman awal pemerintahan Daing Kemboja sebagai Yamtuan Muda Riau. Mereka berhijrah kerana mengikut Daing Kemboja dan hampir kesemua orang Bugis di Riau berpindah ke Kuala Linggi. Penghijrahan besar-besaran ini adalah sebab krisis yang berlaku antara Daing Kemboja dan orang Bugis dengan Sultan Mansur Syah, Terengganu (menantu Sultan Sulaiman Johor-Riau) dan pembesar-pembesar Melayu Riau.²³

Sehubungan dengan perbezaan masa ini maka kedua-dua kumpulan sumber ini memberikan sebab yang berbeza mengapa mereka berhijrah.

Manuskrip Imam Ambak memberikan sekurang-kurangnya dua sebab:

- (a) mereka berasa terhina kerana dituduh menipu dalam mendapatkan semula harta pusaka di Sulawesi.
- (b) (Daing Cellak atau Sultan Alaudin) yang mahu menggunakan kekerasan, pertumpahan darah atau peperangan dalam mencapai sesuatu tujuan atau dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Sebab-sebab ini tidak dinyatakan oleh Gullick dan Muhammad Yusof bin Ahmad dalam penulisan mereka. Sebaliknya mereka menyatakan Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah berserta keluarganya pindah kerana mengikut Daing Kemboja dan orang Bugis lain berhijrah dari Riau. Baik Gullick ataupun Muhammad Yusof bin Ahmad tidak menyebut tentang sebab-sebab peribadi keluarga sebagai punca penghijrahan itu. Mereka berpindah kerana sebab politik orang Bugis di Riau pada ketika itu.

2. *Tempat yang dituju.* Gullick dan Muhammad Yusof bin Ahmad menyatakan dari Riau mereka tidak bersama-sama dengan Daing Kemboja (yang mengikut manuskrip Imam Ambak ialah bapa saudara mereka) ke Kuala Linggi pada sekitar tahun 1754. Mereka telah membuat perkampungan di Telok Ketapang Melaka. Pada masa itu di Telok Ketapang telah ada perkampungan Bugis. Manuskrip Imam Ambak pula menyatakan mereka telah belayar sehingga ke Batang Tiga Melaka. Batang Tiga terletak lebih ke utara dari Telok Ketapang dan lebih hampir dengan Kuala Linggi. Data-data sejarah seperti yang diuraikan, membuktikan bahawa di Batang Tiga telah ada perkampungan Bugis semenjak zaman Daing Marewah lagi. Namun, Imam Ambak tidak pula menyatakan sama ada Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah serta keluarga membuat kediaman di situ atau tidak.

Daripada huraian di atas, antara kedua-dua kumpulan maklumat ini terdapat perbezaan masa tidak kurang daripada sepuluh tahun. Untuk kita membuktikan mana satu antara kedua-dua tarikh ini yang benar adalah sesuatu yang sukar sehingga ditemui satu data lain yang lebih konkrit dan boleh diperakui kebenarannya. Selalunya data sokongan seperti ini hanya dapat diperoleh daripada rekod-rekod Barat terutama rekod-rekod Belanda.

KELUARGA DATUK AWALUDDIN DAN DATUK SERILAH

Kebanyakan manuskrip dan penulisan sejarah Linggi agak samar tentang asal usul nenek moyang mereka. Gullick dan Muhammad Yusof bin Ahmad menyatakan mereka daripada keturunan keluarga 'terkemuka' (Gullick, 1949:58, melaporkan sebagai: *members of the leading families*) di Riau.

Kedua-dua penulis tidak pula menjelaskan sama ada keluarga terkemuka itu berketurunan Melayu atau Bugis. Namun melihat daripada gambaran dalam penulisan mereka, Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah dibayangkan sebagai daripada keturunan keluarga Bugis. Jika mereka berketurunan Bugis maka keluarga Bugis yang terkemuka di Riau ialah keluarga-keluarga daing Bugis lima bersaudara. Justeru itu, besar kemungkinan Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah daripada keturunan keluarga daing tersebut.

Imam Ambak agak lebih tegas dalam menentukan siapa ayah mereka. Beliau menyatakan Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah ialah anak kepada Sultan Alaudin, Yamtuan Muda Riau ke-II.²⁴ Sumber-sumber sejarah menyatakan Yamtuan Muda Riau tersebut ialah Daing Cellak. Pensejarahan Johor-Riau juga merakamkan bahawa Daing Cellak, semasa menjawat pusaka tersebut telah menggunakan gelaran Sultan Alaudin.

Kesahihan mereka itu daripada keturunan keluarga terkemuka, iaitu keluarga daing atau raja telah dikemukakan oleh Mohammad Ali bin Dahlan (1976:29-31). Antara lain bukti yang diutarakan ialah:

1. Orang Linggi tidak menyembah ke Seri Menanti, Selangor, Riau, Langat dan juga Pontianak. Sikap ini mengikut Mohammad Ali bin Dahlan ialah disebabkan mereka 'daripada keturunan Raja Riau' (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:29).
2. Datuk Awaluddin, semasa menetap di Rembau, Yamtuan Muda Riau yang bergelar Datuk Janggut telah datang ke Kuala Linggi menjemput beliau dan pengikut-pengikutnya supaya pindah semula ke Riau.²⁵ Bagi Mohamad Ali bin Dahlan perbuatan Datuk Janggut datang 'begitu bersusah payah menjemput mereka balik ke Riau' juga membuktikan yang mereka itu adalah keturunan daripada Raja Riau (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:30).

Sehubungan dengan ini timbul pula persoalan jikalau mereka itu daripada keturunan keluarga raja di Riau kenapa mereka tidak menggunakan gelaran 'daing' yang biasa dipakai oleh ahli-ahli keluarga diraja Riau, khususnya orang Bugis? Mengikut manuskrip Imam Ambak, Datuk Awaluddin dan keluarganya dalam membuat keputusan untuk meninggalkan Riau dan mencari petempatan lain telah 'pantangkan (diri mereka) daripada menyatakan pangkat raja'. Selanjutnya manuskrip tersebut juga menyatakan mulai daripada masa itu 'sampai sekarang (mereka) tidak berbahasa dengan patik dan engku'.

Daripada huraian di atas, sehingga ada satu fakta yang lain, dapat dirumuskan bahawa Datuk Awaluddin dan keluarganya adalah daripada keturunan diraja Bugis Riau. Persoalan sama ada mereka anak Daing Celak atau daripada keluarga daing Bugis lain perlu penelitian lanjut dan terperinci.

PEMBENTUKAN ADAT LINGGI

Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah serta pengikutnya yang pindah dari Riau telah memutuskan untuk mengamalkan adat yang tidak bertentangan dengan agama Islam. Mengikut manuskrip 'Membuka Linggi Imam Ambak', mereka juga memantangkan diri daripada memakai Adat Perpatih. Ini jelas disebut dalam manuskrip tersebut yang berbunyi: 'kita memantangkan memakai Adat Perpatih melainkan mengikut adat kitab dan sunah'. Selanjutnya manuskrip itu merakamkan:

... maka belayarliah sekaliannya hingga sampai ke pantai Batang Tiga Melaka, maka dinamakan adat 'Muafakat bil Kitab Wassunnati Qabulatan Minel Ustaz Ilamanati'. Maka dibinanya Sunah Nabi itu seratus perkara yang sentiasa dihafalnya dan diamlkannya dan diajarkannya kaum-kaumnya hingga sekarang.

(Manuskrip 'Membuka Linggi Imam Ambak')

Adat ini kini dikenali sebagai Adat Linggi sahaja. Mengikut Imam Ambak seratus perkara daripada Sunah Nabi yang diajarkan oleh Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah kepada seluruh anak buahnya ialah:

Yang wajib pada Allah	20
Yang mustahil pada Allah	20
Yang jaiz pada Allah	1
Lawannya	1
Jumlah	42
Yang wajib pada Rasul	4
Yang mustahil pada Rasul	4
Yang jaiz pada Rasul	1
Lawannya	1
Jumlah	10
Rukun Iman	6
Syaratnya	10
Tandanya	4
Yang membinakannya	10
Jumlah	30
Rukun Islam	5
Syaratnya	4
Tandanya	4
Yang membinasakannya	4
Jumlah	17
Rukun insan	1
Jumlah	1
JUMLAH	100

Imam Ambak telah menjelaskan ajaran seratus perkara daripada Sunah Nabi itu sebagai berikut:

Wajib pada Allah yang 20 ialah:

1. *Wujud* ertinya ada, Allah itu ada.
2. *Qidam* ertinya sedia, Allah itu sedia ada sebelum kejadian bumi ini.
3. *Baga'* ertinya kekal.
4. *Mukhalafatuhu Lilhawadith* ertinya Allah itu tiada boleh disamakan dengan apa jua yang baru.
5. *Qiyamuhu Taala Binafsih* ertinya Allah itu ada dengan sendirinya.
6. *Wahdaniyah* ertinya asa zat-Nya, asa sifat-Nya, asa fiil-Nya.
7. *Qudrat* ertinya berkuasa.
8. *Iradat* ertinya menentukan.
9. *Ilmu* ertinya tahu.
10. *Hayat* ertinya hidup.
11. *Sama'* ertinya mendengar.
12. *Basyar* ertinya melihat.
13. *Kalam* ertinya berkata-kata.
14. *Qadiran* ertinya berkuasa.
15. *Maridan* ertinya menentukan.
16. *Aliman* ertinya yang mengetahui.
17. *Haiyyan* ertinya yang hidup.
18. *Sami'an* ertinya yang mendengar.
19. *Basiran* ertinya yang melihat.
20. *Mutakalliman* ertinya yang berkata-kata.

Yang mustahil pada Allah 20 perkara. Sifat-sifat ini berlawanan dengan yang di atas.

Yang wajib pada rasul empat perkara, iaitu:

1. Benar
2. Amanah
3. Menyampaikan
4. Cerdik

Yang jaiz padanya ialah satu iaitu harus kepada Nabi bersifat dengan manusia yang tiada membawa kekurangan kepada pangkatnya.

Lawannya satu, iaitu wajib ia bersifat demikian.

Rukun Iman enam perkara, iaitu:

1. Percaya kepada Allah.
2. Percaya kepada Nabi dan Rasul.
3. Percaya kepada Malaikat.
4. Percaya kepada kitab-kitab Allah.
5. Percaya kepada perkara baik dan jahat itu daripada Allah.
6. Percaya kepada Hari Kiamat.

Syaratnya sepuluh, iaitu:

1. Kasih kepada Allah.
2. Kasih kepada Malaikat.
3. Kasih kepada kitab-kitab Allah.
4. Kasih kepada ambia Allah.
5. Kasih kepada wali-wali Allah.
6. Mengharap kepada rahmat Allah.
7. Takut kepada seksa Allah.
8. Benci kepada seteru Allah.
9. Membesarkan suruh Allah serta dikerjakan dengan anggota.
10. Membesarkan tegah Allah serta dijauhkan.

Tandanya empat perkara:

1. Rendah diri sesama Islam.
2. Suci perut daripada memakan makanan haram.
3. Suci atau bersih lidah daripada dusta.
4. Suci badan daripada tamak dan haloba.

Yang membinasakannya sepuluh perkara:

1. Menduakan Allah.
2. Mengekalkan perbuatan yang jahat.
3. Berdendam sesama Islam.
4. Membinasakan makhluk.
5. Meringankan syariat.
6. Tak takut gugur syariat.
7. Putus asa daripada rahmat Allah.
8. Membuat perbuatan kafir.
9. Memakai pakaian kafir.
10. Berpaling daripada menghadap kiblat (Kaabah).

Rukun Islam lima perkara:

1. Mengucap dua kalimah syahadat.
2. Sembahyang lima waktu dalam sehari.
3. Puasa pada bulan Ramadan.
4. Mengeluarkan zakat jika sampai harinya.
5. Menunaikan haji jika mampu.

Syaratnya empat perkara, iaitu:

1. Sabar atas hukum Allah.
2. Reda akan qadak Allah.
3. Ikhlas hatinya menyerahkan dirinya kepada Allah.
4. Mengikut akan firman Allah dan sabda Rasul Allah serta menjauhkan diri daripada segala larangan-Nya.

Tandanya empat perkara, iaitu:

1. Merendahkan diri.

2. Suci lidahnya daripada dusta.
3. Suci badannya daripada haloba dan tamak.
4. Suci perutnya daripada makan yang haram (yang dilarang Allah).

Yang membinasakannya empat perkara, iaitu:

1. Membuat sesuatu perbuatan yang tidak diketahui.
2. Diketahui tiada diperbuat.
3. Tiada mahu belajar kepada orang alim.
4. Mencela-cela orang yang berbuat baik.

(Hamid Abdullah, 1984:63-6)

Ajaran 100 perkara dari Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah yang didasarkan kepada hukum syarak Islam dan sunah Nabi inilah yang melembaga dalam hidup dan kehidupan masyarakat keturunan Bugis di Linggi. Adat ini jugalah yang diamalkan oleh orang Bugis pimpinan Datuk Awaluddin apabila mereka membuat perkampungan di Bandar Penajis di Rembau. Justeru itu, dalam sebuah negeri (Rembau) wujud satu kumpulan minoriti yang mengamalkan satu sistem kemasyarakatan yang berbeza prinsipnya daripada masyarakat sekelilingnya. Pengamalannya adalah dengan izin dan restu Datuk Lela Maharaja Lulinsuh, Penghulu Rembau, pada ketika itu. Pengiktirafan kerajaan Rembau ke atas adat kelompok Bugis pimpinan Datuk Awaluddin dijelaskan oleh manuskrip tersebut yang berbunyi:

...maka sembah Datuk Rembau, 'Patik pohonkanlah ke Bawah Duli Tuanku Awaluddin ini tinggal bersama-sama patik di Rembau.' Maka titah Yang Dipertuan, 'Jika orang kaya berkehendakkan Awaluddin ini tinggal bersama-sama orang kaya di Rembau benarkan ia memakai aturan dan adat sendiri tidaklah ia boleh memakai adat Tok Patih.'

(Hamid Abdullah, 1976:66)

Daripada huraian di atas maka kita boleh mengandaikan bahawa Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah serta pengikut-pengikutnya telah mula mengamalkan adat baru itu sebaik sahaja mereka menduduki petempatan baru. Peristiwa dalam petikan di atas telah berlaku selepas Datuk Awaluddin dan pengikutnya menetap untuk beberapa waktu di Rembau, dan ia merupakan satu pengiktirafan rasmi oleh kerajaan Rembau dan Riau tentang pengamalannya dalam alam Adat Perpatih di Rembau.

Pengiktirafan rasmi oleh dua buah kerajaan ini bermakna orang Bugis pimpinan Datuk Awaluddin telah dengan rela hati meninggalkan adat lama mereka dan menggantikannya dengan adat baru yang diberi nama *Adat Muafakat Bil Kitab Wassunnati Qabulatan Minel Ustaz Ilamanati* yang bermakna: Muafakat dengan berterusan kitab Quran dan sunah Nabi dan kebulatan juga mentaati ajaran guru-guru (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:118). Kesanggupan meninggalkan adat yang telah mereka amalkan

sejak lahir kepada orang Bugis bukanlah sesuatu yang aneh. Perbuatan sedemikian sememang menjadi sebahagian daripada adat kemasyarakatan mereka (Hamid Abdullah, 1984:68–9). Dalam sistem sosial orang Bugis terdapat dua bentuk adat yang memberi ruang kepada pengamalannya untuk bertindak demikian. Adat yang dimaksudkan ini ialah *Adat (Ade) Ammaradekangeng* dan *Adat (Ade) Malleke Dapureng*.

Adat *Ammaradekangeng* bererti semua manusia mempunyai kemerdekaan atau kebebasan untuk menentukan masa depannya.²⁶ Kebebasan yang diberikan oleh adat ini termasuklah untuk keluar atau pergi dari negerinya jika seseorang atau sekelompok orang Bugis berasa tidak senang lagi tinggal di kampung halamannya kerana tidak dapat lagi memberikan kedamaian hidup (Hamid Abdullah, 1982:46; 1984:69).

Berdasarkan cerita Imam Ambak, sebab mengapa Datuk Awaluddin, Datuk Serilah dan keluarganya sanggup keluar dari, dan meninggalkan Riau adalah sejajar dengan kehendak adat ini. Datuk Awaluddin dan keluarganya serta pengikut-pengikutnya tidak senang lagi dengan adat ayahnya. Seandainya mereka terus menetap di Riau, keharmonian kehidupan mereka akan terjejas. Sehubungan dengan konsep 'kebebasan' yang menjadi prinsip adat ini, Datuk Awaluddin dan pengikut-pengikutnya dibolehkan tanpa sebarang tindak balas daripada mana-mana pihak untuk membentuk dan mengamalkan adat baru.

Adat *Malleke Dapureng* pula ialah satu manifestasi tindakan daripada seseorang atau sekelompok sosial yang meninggalkan kampung halaman untuk berpindah ke petempatan lain. Individu atau kelompok yang melakukan adat bentuk ini tidak boleh dihalangi pemergiannya oleh mana-mana pihak termasuk pihak berkuasa kerana menganggap diri mereka bukan abdi atau warga dari negeri itu lagi (Hamid Abdullah, 1984:70). Secara tidak langsung adat ini adalah satu tanda protes terhadap raja yang memerintahnya (Hamid Abdullah, 1982:49).

Berhubungan dengan tindakan penghijrahan Datuk Awaluddin, seperti yang terdapat dalam manuskrip Imam Ambak, protes yang cuba dinyatakannya ialah ketidak-sanggupannya untuk meneruskan perintah ayahnya yang berkuasa ke atas dirinya, di samping memprotes terhadap amalan ayahnya. Perintah yang dimaksudkan di sini ialah mengambil bahagian harta pusaka di Sulawesi melalui peperangan dan pertumpahan darah. Ayah Datuk Awaluddin sebaliknya tidak boleh melaksanakan sebarang tindak balas terhadap perlakuan anak-anaknya kerana protes *Malleke Dapureng* ini diperkenankan atau dibolehkan oleh adat masyarakat Bugis (Hamid Abdullah, 1982:49).

Dengan berpegang kepada prinsip-prinsip yang terkandung dalam dua bentuk adat ini, Datuk Awaluddin, Datuk Serilah dan keluarga serta pengikut-pengikut mereka meninggalkan Riau dan berpindah ke Teluk Ketapang (jika mengikut pendapat Gullick dan Muhammad Yusof bin

Ahmad) atau singgah di Batang Tiga (menurut Imam Ambak). Akhirnya, pada sekitar tahun 1775 (Gullick, 1949:58) rombongan Datuk Awaluddin itu tiba di Rembau.

DATUK AWALUDDIN DAN DATUK SERILAH DI REMBAU

Mohamad Ali bin Hj. Abdul Aziz (1960) telah menyarankan bahawa Datuk Awaluddin pernah datang ke Kuala Linggi pada masa Daing Kemboja membuang diri ke sana, iaitu sekitar bulan Februari/Mac 1756. Pada sekitar bulan tersebut, Sultan Mansur Syah, Terengganu, dalam pelayarannya ke Kuala Linggi bersama-sama dengan Raja Haji, telah singgah di Melaka menemui pihak berkuasa Belanda.²⁷ Beliau dan Belanda telah berpakat untuk menangkap Raja Haji. Rancangan ini telah disampaikan oleh Encik Awal kepada Daing Kemboja di Kuala Linggi. Menurut Mohamad Ali,²⁸ orang yang bernama Encik Awal itu ialah Datuk Awaluddin.²⁹

Jika andaian Mohamad Ali ini diterima sebagai benar maka Datuk Awaluddin telah turut serta dalam perang Bugis-Belanda pada tahun 1756. Besar kemungkinan juga beliau telah turut bersama-sama Daing Kemboja berundur ke Rembau Hilir apabila Kuala Linggi dialahkan oleh Belanda dan sekutunya, Sultan Mansur Syah Terengganu. Dengan demikian, Datuk Awaluddin telah biasa dan kenal dengan pembesar-pembesar dan penghulu kerajaan Rembau dan begitu juga sebaliknya; serta biasa pula dengan tatacara dan aturan hidup masyarakat (Adat Perpatih) Rembau.

Rombongan Datuk Awaluddin ini, apabila sampai di Rembau telah mendapatkan Raja Adil³⁰ di Pedas untuk menyatakan tujuan mereka ke Rembau, iaitu untuk membuat petempatan. Dalam perbincangan itu, atas saranan Raja Adil, mereka telah mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk dibuat perkampungan baru. Kawasan itu terletak di tebing kiri Sungai Penajis, iaitu kira-kira pertengahan jalan sungai di antara Kampung Penajis dan Kampung Astana Raja. Kawasan itu dikenali sebagai Kampung Bandar.³¹

Raja Adil telah membawa Datuk Awaluddin menemui Penghulu Rembau, Datuk Lela Maharaja Lulinsuh.³² Tujuan mereka pergi ialah, pertama sebagai kunjung hormat seorang pembesar (Datuk Awaluddin ialah anak Yamtuan Muda Riau II dan anak saudara Yamtuan Riau III, Daing Kemboja) apabila mengunjungi negeri lain. Kedua ialah untuk memohon izin membuka kampung halaman di Rembau. Permintaan mereka ini dipersetujui oleh Datuk Lulinsuh dan Lembaga Tiang Balai Rembau (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:163).

Ada dua sebab utama yang memungkinkan Datuk Awaluddin dan rombongannya dibenarkan tinggal di Rembau. Pertama, berkaitan dengan keagamaan. Penghulu Rembau mengetahui tentang ketinggian ilmu agama

(Islam) yang ada pada diri Datuk Awaluddin, Datuk Serilah dan Lebai Kunut (suami Datuk Serilah). Penghulu Rembau mahu mereka mengajar ilmu keagamaan kepada penduduk Rembau. Ini jelas terbukti kerana dalam tempoh beberapa tahun selepas kedatangan mereka itu, beberapa orang anak cucu Datuk Awaluddin telah dijadikan imam dan khatib di Rembau (Mohamad Ali bin Hj. Abdul Aziz, 1960:13).

Kedua, sebab politik semasa. Pembesar-pembesar Bugis, khususnya Daing Kemboja, baru sahaja meninggalkan Rembau (1760). Sejak itu, pengaruh dan kekuasaan Bugis baik dari segi ekonomi atau politik di kerajaan Riau semakin kuat dan kukuh. Menolak seorang pembesar Bugis dan mempunyai kaitan darah (mengikut manuskrip 'Membuka Linggi Imam Ambak') dengan Yamtuan Muda Riau bermakna mencabar kekuatan orang Bugis, yang boleh membawa kepada peperangan. Justeru itu kerajaan Rembau harus menerima dan merestui permintaan Datuk Awaluddin.

Perhubungan darah antara Datuk Awaluddin dengan keluarga Yamtuan Muda Riau telah terbukti apabila dalam tahun 1776 atau awal 1777 Marhum Janggut Yamtuan Muda Riau telah datang ke Kuala Linggi. Tujuannya ialah untuk menjemput Datuk Awaluddin dan sanak-saudara serta pengikutnya yang ada di Rembau balik ke Riau. Marhum Janggut telah menghantar satu rombongan ke Rembau menjemput Datuk Awaluddin dan Datuk Lulinsuh menemuinya di Kuala Linggi.

Peristiwa bersejarah ini telah menimbulkan satu persoalan asas. Persoalan ini timbul kerana pensejarahan dan persejarahan Linggi tidak jelas tentang nama Penghulu Rembau yang mengiringi Datuk Awaluddin ke Kuala Linggi itu.

Hampir kesemua manuskrip Linggi sekata mengatakan bahawa Marhum Janggut itu ialah Daing Kemboja, Yamtuan Muda Riau III (1748-77). Namun Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz meragui kebenaran pernyataan ini. Dalam hal ini Mohamad Ali (1960:13) menyatakan:

Daing Kemboja ini bukannya Daing Kemboja, Yang Dipertuan Muda Riau yang ke-III itu, kerana beliau sudah lama meninggal dunia (matinya dalam tahun 1777), padahal kedatangan daing ini adalah selepas tahun 1795, iaitu semasa Tok Kosli menjadi Undang Rembau. Barangkali Daing Kemboja ini seorang suruhan Raja Haji ataupun Raja Haji sendiri, kerana dalam perkataan Tok Perang,³³ daing ini bergelar Yang Dipertuan Muda. Kebetulan pula Raja Haji memang Yang Dipertuan Muda pada masa itu.

Petikan di atas menunjukkan bahawa Mohamad Ali bin Hj. Abdul Aziz telah menggunakan Datuk Kosil, Penghulu Rembau yang memerintah antara tahun 1795 hingga 1812 (Par dan Mackray, 1910:118; Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:330) sebagai landasan perbincangannya. Beliau mengambil Datuk Kosil sebagai petunjuk mungkin kerana beliau mengandaikan Datuk Awaluddin telah datang ke Rembau 'selepas tahun 1795'. Persoalan

berikut daripada pernyataan ini ialah bagaimana Mohamad Ali boleh mencapai rumusan sedemikian itu?

Jika benar Datuk Lela Maharaja Kosil yang pergi bersama-sama Datuk Awaluddin ke Kuala Linggi, maka Yamtuan Muda yang ditemui itu bukannya Daing Kemboja atau 'Raja Haji' seperti yang disarankan oleh Mohamad Ali, tetapi Raja Ali yang menjadi Yamtuan Muda Riau V, memerintah antara tahun 1785 hingga 1807. Raja Haji ialah Yamtuan Muda Riau IV yang memerintah antara tahun 1777 hingga 1784. Justeru itu, tarikh kedatangan Datuk Kosil ke Kuala Linggi yang disarankan oleh Mohamad Ali sebagai 'selepas tahun 1795' terkeluar daripada lingkungan masa pemerintahan Raja Haji.

Petunjuk yang harus dijadikan dasar perbincangan tentang peristiwa ini ialah 'Marhum Janggut' sebagai salah seorang Yamtuan Muda Riau. Hampir kesemua manuskrip sejarah Linggi menyatakan bahawa pembesar Riau yang datang ke Kuala Linggi itu ialah Marhum Janggut. Dengan demikian, punca kepada masalah ketidaksekitaan tentang peristiwa ini ialah untuk mengenal pasti siapa dia 'Marhum Janggut' itu. Begbie (1834:70) juga ada menyebut gelaran *Moorohum Jangool* (Marhum Janggut) bagi salah seorang *Iyang De Pertuan Moodah* (Yang Dipertuan Muda) Riau. Namun, Begbie tidak menjelaskan siapa Yamtuan Muda Yang diberikan gelaran tersebut.

Tuhfat al-Nafis, pensejarahan Johor-Riau pada zaman Bugis berkuasa di sana dan ditulis oleh seorang (pembesar) Bugis sendiri mungkin dapat memberi jawapan dalam mengenal pasti siapa Marhum Janggut ini. Menurut *Tuhfat al-Nafis*:

... Alkisah maka tersebutlah perkataan (Baginda) Sultan Mahmud di dalam Riau. Apabila (paduka) ayahanda bagindanya Yang Dipertuan Muda Daing Kemboja', iaitu *Marhum Janggut* (mangkat), (serta selesailah daripada dimakamkan paduka ayahanda baginda itu betapa adat raja yang besar-besar mangkat).

(*Tuhfat al-Nafis*, 1991:386; penekanan adalah oleh penyusun)

Petikan di atas jelas menyatakan bahawa Yamtuan Muda yang bergelar Marhum Janggut itu ialah Daing Kemboja. Kebanyakan manuskrip sejarah Linggi juga menyatakan demikian. Daing Kemboja ialah Yamtuan Muda Riau III dan memerintah dalam tahun 1748 hingga 1777.

Dengan terbuktinya bahawa Marhum Janggut Yamtuan Muda yang ditemui oleh Datuk Awaluddin dan Penghulu Rembau di Kuala Linggi itu ialah Daing Kemboja maka kita berkemungkinan untuk mengutarakan sekurang-kurangnya dua rumusan tentang peristiwa ini. Rumusan tersebut ialah:

1. Penghulu Rembau yang bersama-sama Datuk Awaluddin ke Kuala Linggi ialah Datuk Lela Maharaja Lulinsuh, bukannya Datuk Lela Maharaja Kosil.

2. Peristiwa ini berlaku beberapa ketika sebelum kematian Daing Kemboja (1777), dan bukannya selepas tahun 1795.

Jika kita menerima rumusan di atas maka Datuk Awaluddin dan rombongannya telah datang ke Rembau lebih awal daripada tahun 1776/1777. Mengikut Gullick (1949:58) penghijrahan mereka ini berlaku pada sekitar tahun 1775. Hamid Abdullah telah menyangkal andaian Gullick ini kerana Gullick yang menggunakan sumber-sumber tempatan dalam bentuk sejarah lisan dan tidak menyebutkan dengan jelas tentang sumber-sumber yang bertulis atau dalam bentuk manuskrip (Hamid Abdullah, 1984:53). Beliau sebaliknya telah menyarankan Datuk Awaluddin telah 'berpindah ke Rembau pada tahun 1783' (Hamid Abdullah, 1984:70).

Mengikut Hamid Abdullah sebab Datuk Awaluddin dan rombongannya datang ke Rembau adalah berkaitan dengan kejatuhan kepemimpinan Bugis di Semenanjung Tanah Melayu pada bahagian akhir abad ke-18, iaitu akibat daripada kekalahan mereka melawan Belanda (Hamid Abdullah, 1984:49). Kekuasaan kepemimpinan masyarakat Bugis berakhir secara rasmi pada tahun 1784.³⁴

Persoalan yang mungkin timbul daripada saranan ini ialah bagaimana dan mengapa Hamid Abdullah mengambil tahun 1783, iaitu satu tahun sebelum 'berakhir secara rasmi', kepemimpinan Bugis di Semenanjung sebagai tarikh kedatangan Datuk Awaluddin dan rombongannya ke Rembau?

Jika kita menerima saranan Hamid Abdullah maka Yamtuan Muda Riau yang datang menemui Datuk Awaluddin dan Penghulu Rembau di Kuala Linggi itu bukannya Marhum Janggut atau Daing Kemboja, tetapi ialah Raja Haji atau Raja Ali. Seandainya Raja Ali, peristiwa itu terjadi sebelum bulan Jun 1784.³⁵ Dalam tempoh masa lebih kurang setahun ini, Raja Haji sedang sibuk berkempen menentang Belanda; dan Belanda pun begitu juga sebaliknya (Andaya dan Andaya, 1982:104-5; 1983:120-1). Dengan demikian kedatangan Yamtuan Muda ke Kuala Linggi bukan untuk menjemput Datuk Awaluddin 'balik ke Riau' tetapi menjemput untuk berperang menentang Belanda. Namun dari segi cara manuskrip-manuskrip Linggi menceritakan peristiwa ini, tidak langsung terbayang elemen yang menunjukkan jemputan itu bertujuan untuk membantu Riau atau Raja Haji berperang menentang Belanda. Sebaliknya, penceritaannya memberikan gambaran keadaan di Riau seperti diandaikan oleh Mohamad Ali bin Hj. Abdul Aziz (1960:13) 'sudah aman'.

Selanjutnya, jika yang datang itu ialah Raja Ali, peristiwa itu berlaku selepas bulan Jun 1784. Dalam masa pemerintahan Raja Ali sebagai Yamtuan Muda di Riau, keadaan orang Bugis di sana adalah tidak menyenangkan. Pada akhir tahun 1784 angkatan laut Belanda telah menyerang dan mengalahkan Riau. Sultan Mahmud telah menandatangani satu perjanjian yang antara lain menyatakan bahawa baginda 'sentiasa berhutang budi' kepada Belanda yang telah membebaskan baginda daripada 'belunggu

Bugis' itu (Andaya dan Andaya, 1982:105; 1983:121). Ekoran daripada perjanjian ini:

... Riau-Johor menjadi takluk jajahan Belanda atau *keurijk*, dan orang Melayu hanya memerintah atas kehendak Belanda. Semua orang Bugis, kecuali mereka yang dilahirkan di Riau telah dihalau keluar dan pihak Belanda menetapkan bahawa tidak dibenarkan lagi orang Bugis memegang jawatan Yamtuan Muda Riau.

(Andaya dan Andaya, 1983:121)

Petikan di atas jelas menyatakan bahawa pada akhir tahun 1784 kekuasaan kepemimpinan Bugis berakhir secara rasmi di Riau (Hamid Abdullah, 1984:49).

Keadaan di Riau selepas itu menjadi semakin buruk. Kira-kira tiga tahun selepas itu (1787), Sultan Mahmud yang penuh dendam dan berasa terhina atas kekalahannya di tangan Belanda itu telah mengupah tentera yang terdiri daripada perompak-perompak Sulu untuk memulihkan keadaan dan kedudukannya di Riau. Baginda dan sekutunya telah berjaya memaksa Belanda lari dari Riau ke Melaka. Namun, oleh sebab gagal membayar ganjaran wang yang dituntut oleh perompak-perompak Sulu itu, Sultan Mahmud Syah sendiri telah melarikan diri ke Pahang. Selama lapan tahun (1787-95) baginda telah menjadi raja buangan di rantau orang (Andaya dan Andaya, 1982:106; 1983:122). Keadaan di Riau untuk lebih kurang lapan tahun itu ialah:

... Kecuali orang Cina, penduduk Riau menjadi berkurangan kerana orang Melayu turut bersama Sultan Mahmud ke Pahang dan Terengganu, sementara orang Bugis berserakan pergi ke Selangor, Siantan dan Borneo. Kesan tahun-tahun malapetaka ini dalam keadaan tiada bersultan dan ekonomi negeri yang hampir-hampir pupus itu menamatkan harapan bahawa Riau akan bangun untuk mengambil kedudukannya yang dahulu dalam alam Melayu.

(Andaya dan Andaya, 1983:122)

Berdasarkan fakta dan petikan di atas jelas dalam masa Raja Ali menjadi Yamtuan Muda Riau, bukan sahaja kepemimpinan Bugis hampir pupus, bahkan orang Bugis sendiri telah 'berserakan'. Dengan ini sebagai latar belakang tidak mungkin Yamtuan Muda Raja Ali 'menjemput Awaluddin balik ke Riau'. Pada ketika itu, Riau tidak lagi selesa bagi orang Bugis. Alasan yang diandaikan sebagai tujuan 'menjemput' itu, yakni 'kerana negeri itu (Riau) sudah aman' (Mohamad Ali bin Hj. Abdul Aziz, 1960:13) adalah tidak sesuai. Dengan demikian pertemuan antara Datuk Awaluddin, Penghulu Rembau dan Yamtuan Muda Riau di Kuala Linggi itu tidak mungkin berlaku selepas tahun 1784.

Manuskrip-manuskrip dan cerita-cerita lisan Linggi mengakui kebenaran tentang pertemuan itu serta tujuannya. Berdasarkan latar belakang keadaan politik dan ekonomi Riau pada sekitar tahun-tahun yang diandaikan (1776/1777 hingga selepas tahun 1784) maka rasanya lebih tepat jika

dikatakan bahawa pertemuan itu telah mengambil tempat sebelum kematian Daing Kemboja (1777).

Daing Kemboja, seperti yang diuraikan telah balik ke Riau pada tahun 1760. Beberapa peristiwa yang berlaku pada sekitar tahun itu telah membolehkan orang Bugis, khususnya Daing Kemboja, memperkuat semula pengaruhnya di Riau. Antara peristiwa-peristiwa tersebut, mengikut Andaya dan Andaya (1983:114) ialah:

1. Sultan Mansur Syah, pemimpin kelompok pembesar-pembesar Melayu yang menentang kehadiran kekuasaan Bugis di Riau, memutuskan untuk bersemayam di Terengganu yang telah mengalami kucar-kacir selama sepuluh tahun semasa berada di Riau.
2. Sultan Sulaiman telah mangkat pada tahun 1760³⁶ dan diikuti pula oleh anak dan cucunya yang sulung berturut-turut. Daing Kemboja kemudian telah menamakan Raja Mahmud yang masih budak lagi sebagai bakal sultan. Raja Mahmud ialah cucu Sultan Sulaiman dan ibunya ialah puteri Daing Cellak.
3. Beberapa orang pembesar Melayu bersedia bekerjasama dengan pihak Bugis, dan Temenggung bersama bapa mentuanya, Daing Kemboja dinamakan sebagai Pemangku Raja untuk bakal Sultan Mahmud Syah. Tidak lama selepas itu Daing Kemboja telah berjaya menamakan dirinya 'Yang Dipertuan Muda' bagi kerajaan Riau-Johor dan Pahang serta semua jajahan takluknya.

Akhirnya, Yamtuan Muda Daing Kemboja dan orang Bugis telah berkuasa sepenuhnya dalam kerajaan Riau-Johor. Kejadian ini disahkan oleh rekod Belanda³⁷ pada masa itu: 'Kekuasaan Bugis di Riau bertambah dari sehari ke sehari dan orang Melayu tidak ada lagi mempunyai sebarang pengaruh dalam kerajaan' (Andaya dan Andaya, 1982:99; 1983:114).

Daripada pemerihaln tentang kerajaan Riau pada sekitar tahun-tahun 1760-an, 1770-an dan 1780-an maka tahun-tahun sebelum kematian Daing Kemboja adalah masa yang lebih selaras dengan kehendak pertemuan di Kuala Linggi itu, yakni 'menjemput Datuk Awaluddin dan pengikutnya balik ke Riau' 'kerana negeri sudah aman'. Justeru itu, peristiwa pertemuan di Kuala Linggi itu besar kemungkinan berlaku dalam tahun 1776. Sehubungan dengan perbincangan di atas, setakat ini, adalah sukar untuk menentukan dengan tepat bila Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah serta rombongannya datang ke Rembau. Satu kajian mendalam lagi terperinci harus dijalankan untuk mendapat jawapan yang pasti tentang tarikh tersebut. Setakat penulisan ini apa yang pasti ialah:

1. Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah adalah daripada keturunan kelompok atau keluarga pemimpin atau lapisan atas dalam masyarakat Bugis di Riau.
2. Kelompok Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah ialah generasi kedua orang Bugis, yang berasal dari Sulawesi Selatan, Indonesia.

3. Datuk Awaluddin dengan Penghulu Rembau, Datuk Lela Maharaja Lulinsuh, telah bertemu dengan Daing Kemboja, Yamtuan Muda Riau yang cuba menjemput Datuk Awaluddin dan rombongannya balik ke Riau.

Dalam pertemuan di Kuala Linggi itu Daing Kemboja telah menyatakan tujuannya datang. Maka titah Yang Dipertuan (Daing Kemboja) kepada Datuk Rembau, 'Adapun Datuk Awaluddin ini orang yang seasal dengan kami maka inilah kami datang menjemput ia hendak dibawa balik ke Riau.' (Surat Cikgu Abbas kepada D.O. Port Dickson bertarikh 28.7.1924 yang difail dalam D.O.P.D. 221/23)

Jemputan Daing Kemboja ini, mengikut manuskrip 'Membuka Linggi Imam Ambak', 'tiadalah dikabulkan oleh Datuk Awaluddin sekaliannya' (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:30). Sebagai penyokong penolakan Datuk Awaluddin itu Datuk Lulinsuh telah juga memohon agar beliau dibenarkan tetap tinggal di Rembau. Permohonan Datuk Awaluddin dan Penghulu Rembau itu telah dikabulkan oleh Daing Kemboja, tetapi dengan syarat: Jika Orang Kaya (PENGHULU REMBAU) berkehendakkan Datuk Awaluddin ini tinggal bersama-sama Orang Kaya di Rembau benarkan ia memakai aturan dan adat sendiri tidaklah ia boleh memakai adat Tok Perpatih. (Surat Cikgu Abbas kepada D.O.P.D. bertarikh 28.7.1924 yang difail dalam D.O.P.D. 221/23)

Syarat Daing Kemboja ini telah 'diakui' oleh Datuk Lulinsuh. Daing Kemboja berpuas hati dengan keputusan tersebut dan merelakan Datuk Awaluddin dan pengikut-pengikutnya menetap di Kampung Bandar, Penajis Rembau.

SEBAB ORANG BUGIS PINDAH DARI REMBAU

Orang Bugis di Rembau pimpinan Datuk Awaluddin telah hidup dengan aman, setidak-tidaknya dari segi lahiriah. Namun, dari segi rohani mereka menghadapi tekanan jiwa. Mereka adalah keturunan daripada suku bangsa yang sentiasa ingin mendapat lebih kuasa. Mereka tidak suka dan senang bernaung dan dinaungi oleh mana-mana pihak, dalam kes ini, Rembau dan Penghulu Rembau. Mereka lebih aman mentadbir sendiri kawasan yang mereka duduki meskipun ia berupa sebuah komuniti atau petempatan kecil.

Mereka juga berasa tertekan kerana dalam diri mereka nilai budaya *siri* masih kuat walaupun mereka terdiri daripada orang Bugis generasi kedua dan ketiga. Orang luar yang tidak memahami budaya *siri* akan memberi penilaian yang bersifat negatif seperti kejam, suka berkuasa, mudah tersinggung, bercita-cita tinggi dan sebagainya (Sarina Baharuddin).³⁸

Di samping itu, walaupun Datuk Awaluddin dan pengikut-pengikutnya telah diberi jaminan oleh Penghulu Rembau untuk mengamalkan 'adat

mereka sendiri', namun dalam kehidupan mereka, selain budaya siri *Adat Amaradekangeng* dan *Adat Malleke Dapureng* masih berperanan kuat. Situasi ini dikuatkan lagi dengan terdapatnya di kalangan mereka pemimpin yang berwibawa terhadap anak-anak buahnya (Hamid Abdullah, 1984:70-1). Justeru itu, tidak menghairankan jika jiwa mereka berasa tertekan dan gelisah tinggal di Rembau. Mereka tiada pilihan melainkan mencari petempatan baharu sebagaimana cara hidup yang dituntut oleh budaya siri dan kedua-dua adat amalan mereka—*Adat Amaradekangeng* dan *Adat Malleke Dapureng*—dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Menyedari tentang keadaan 'tekanan' yang ada dalam diri pengikut-pengikutnya Datuk Awaluddin telah berusaha mendapatkan satu petempatan baharu bagi membolehkan mereka menyambung norma hidup sebagai orang Bugis. Datuk Lulinsuh yang menyedari akan keresahan dan kegelisahan orang Rembau dengan kehadiran sekelompok masyarakat yang berlainan boleh dikatakan bertentangan serta membingungkan Datuk Awaluddin dan pengikut-pengikutnya, telah menggalakkan dan menyokong usaha mencari petempatan baharu itu (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:164). Besar kemungkinan Datuk Lulinsuh sendiri yang menyarankan petempatan baharu itu. Kawasan yang dicadangkan adalah terletak di antara Kuala Seliau hingga ke Simpang, iaitu di sekitar Mukim Linggi sekarang. Datuk Lulinsuh berkuasa mencadangkan kawasan tersebut kerana ia terletak di bahagian barat Sungai Pemas. Mengikut aturan kerajaan Rembau ketika itu, tanah hutan ke barat Sungai Pemas membawa ke garisan sempadan (Selangor) dan Sungai Ujong adalah dikatakan sebagai tanah waris,³⁹ iaitu tanah 'kepunyaan' Penghulu Rembau⁴⁰ (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:88).

Setelah mendapat restu dan petunjuk tentang lokasi kawasan yang sesuai dan yang terletak agak jauh daripada masyarakat dan perkampungan Adat Perpatih, Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah serta pengikut-pengikutnya telah pergi ke sana dengan memudiki Sungai Linggi hari ini. Menurut Gullick (1949:58) penerokaan awal Linggi oleh Datuk Awaluddin ini telah berlaku pada sekitar tahun 1785. Mereka telah berjaya membuka kawasan perkampungan di sekitar Pangkalan Kundang; tetapi seperti yang dinyatakan sebelum ini, usaha Datuk Awaluddin dan pengikut-pengikutnya telah berakhir dengan kegagalan. Datuk Awaluddin telah balik semula ke Kampung Bandar di Rembau membawa pengikut-pengikutnya.⁴¹

Pemindahan semula ke Kampung Bandar ini mungkin berlaku pada sekitar tahun 1787/8. Datuk Awaluddin pada ketika itu telah lanjut usia, meneruskan kerjayanya sebagai guru agama kepada penduduk dan pembesar-pembesar Rembau termasuk Datuk Lulinsuh dan Pekak. Besar kemungkinan, Datuk Awaluddin telah cuba memperbaiki kawasan yang telah diterokainya tetapi tidak digalakkan oleh Penghulu Rembau. Pada

tahun 1790, Datuk Lulinsuh telah meninggal dunia dan digantikan oleh salah seorang daripada murid Datuk Awaluddin, iaitu Pekak. Datuk Sedia Raja Pekak (1790–5) terus berguru dengan Datuk Awaluddin walaupun beliau telah dipilih menjadi Penghulu Rembau. Dengan demikian, Datuk Pekak tidak membenarkan Datuk Awaluddin pindah dari Rembau (Norhalim Hj. Ibrahim, 1955:164).

Pada masa yang sama anak Datuk Awaluddin dengan Fatimah,⁴² Abdul Rahman⁴³ telah menjalankan perniagaan. Untuk tujuan ini, beliau sering berulang-alik dari Rembau, ke Riau, Batang Tiga dan Melaka. Di Batang Tiga, Abdul Rahman telah berkahwin dengan perempuan di sana. Dengan isterinya di Rembau beliau memperolehi beberapa orang anak; antaranya ialah dua orang perempuan. Anak perempuannya yang tua bernama Norpisah⁴⁴ dan yang muda Halimatul Sa'diah. Pada sekitar tahun 1795 Halimatul Sa'diah masih bawah umur.

Pada kira-kira tahun 1795/96, Raja Ali⁴⁵ yang telah menjadi Yamtuan Muda Rembau telah masuk meminang Norpisah. Peminangannya itu telah ditolak oleh keluarga⁴⁶ Abdul Rahman. Penolakan lamaran Raja Ali bukan disengajakan atau ada sebab-sebab lain tetapi kerana sumpahan yang mereka lafazkan semasa meninggalkan Riau, iaitu 'pantangkan semenda-menyemenda' dengan raja (Manuskrip 'Membuka Linggi Imam Ambak'). Namun, Raja Ali telah menginterpretasikan penolakan itu sebagai satu penghinaan. Justeru itu, beliau tidak berpuas hati dan ingin membalas dendam. Pada suatu malam Raja Ali dan beberapa orang pengikutnya telah datang ke rumah Abdul Rahman. Mereka telah dijemput naik ke rumah dan duduk di serambi. Melihat gelagat Raja Ali dan rombongannya semasa berada di serambi rumah itu, keluarga Abdul Rahman menyedari tujuan kedatangan mereka, iaitu melakukan adat serah-menyerah.⁴⁷ Menyedari tujuan Raja Ali itu semua lampu dalam rumah itu dipadamkan melainkan lampu di serambi tempat Raja Ali dan rombongannya duduk. Dalam kegelapan, Norpisah telah dibawa keluar rumah melalui lubang mandi mayat.⁴⁸ Dengan demikian, tujuan Raja Ali mendatangi rumah Abdul Rahman malam itu jadi terbantut (Manuskrip 'Membuka Linggi Imam Ambak').

Raja Ali dan rombongannya telah pulang dengan rasa malu. Raja Ali, bagaimanapun tidak puas hati dengan kegagalannya. Sebagai tindakan selanjutnya, beliau telah mengupah beberapa orang menangkap Sa'diah sebagai ganti kakaknya, Norpisah. Raja Ali, menyedari Sa'diah masih kecil dan belum layak bersuami, telah menjadikannya sebagai 'tunang' sahaja. Besar kemungkinan perbuatan Raja Ali ini telah mencetuskan pergaduhan antara kelompok Bugis dengan pengikut-pengikut Raja Ali, namun belum ke peringkat menumpahkan darah (Mohamad Ali bin Hj. Abdul Aziz, 1960:12).

Perbuatan sumbang Raja Ali ini telah diberitahu kepada Abdul Rahman apabila beliau balik daripada menjalankan perniagaannya. Untuk meng-

elakkan pergaduhan itu berlarutan, Abdul Rahman telah mengahwinkan Norpisah dengan anak saudaranya, Mohamad Attas.⁴⁹ Abdul Rahman kemudiannya telah meninggalkan Rembau. Beliau berhijrah ke Riau bersama-sama isteri dan anaknya Sa'diah. Selain mengelakkan pergaduhan, tujuannya berpindah adalah mengelakkan Sa'diah diperisteri oleh Raja Ali.

Raja Ali menganggap perbuatan Abdul Rahman itu sebagai satu lagi penghinaan dan ini telah menimbulkan rasa dendam kesumat dalam dirinya. Justeru itu, mungkin juga dapat dikatakan, disebabkan oleh penghinaan itu, Raja Ali telah mencari jalan menyingkirkan orang Bugis, pengikut Datuk Awaluddin, keluar dari Rembau. Namun untuk ketika itu, Raja Ali tidak mampu menggunakan kedudukannya sebagai Yamtuan Muda Rembau untuk membalas dendam. Kedudukan beliau sebagai Yamtuan Muda masih tidak mantap dalam arena politik Rembau. Beliau masih bergerak dengan penuh hati-hati serta pertimbangan tanpa membuat sebarang masalah dengan Penghulu Rembau (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:183), terutama sekali yang melibatkan hal peribadi. Dengan demikian, untuk sementara waktu, Raja Ali terpaksa mengetepikan rasa dendamnya terhadap orang Bugis, khususnya keluarga Abdul Rahman.

Orang Bugis di Kampung Bandar⁵⁰ pula sebaliknya tidak berdiam diri. Bagi mereka perbuatan sumbang Raja Ali itu telah menjadi penyebab terakhir dan penyegera untuk berpindah dari Rembau. Tugas mencari petempatan baharu itu telah dipertanggungjawabkan kepada anak dan cucu Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah. Mereka terdiri daripada Lebai Dolman, Kanda Ali, serta pengikut-pengikutnya yang lain seperti Mahmud, Khatib Muda, Haji Kassim dan beberapa orang lagi. Sebelum bertolak, mereka telah meminta kebenaran Penghulu Rembau, Datuk Lela Maharaja Kosil atau Kesir (1795–1812).

Perhubungan antara Datuk Kosil dengan orang Bugis, jika dibandingkan dengan Penghulu-penghulu Rembau sebelumnya (Datuk Lulinsuh dan Datuk Pekak) adalah tidak rapat. Justeru itu, beliau tidak melarang pemergian mereka; tambahan pula telah ada krisis yang berpunca daripada perbuatan Raja Ali. Bagaimanapun, beliau seperti juga Datuk Lulinsuh, mungkin atas sebab yang serupa telah menyarankan kawasan yang sama untuk diterokai.

Setelah mendapat izin, Dolman dan rakan-rakannya telah bertolak ke kawasan yang telah ditetapkan 'dengan pelayaran perahu kulit kerana mencari tempat yang kelayakan hendak berkehidupan yang setara dengan dia menuju hingga ke Seliau' (Manuskrip 'Membuka Linggi Imam Ambak'). Selepas mendapati kawasan di Seliau itu tidak sesuai, mereka balik ke hilir ke Kuala Sungai Pangkalan Kundang, iaitu kawasan yang pernah dibuka oleh datuk dan nenek mereka—Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah beberapa tahun sebelum itu.

TARIKH LINGGI DIBUKA

Tiga buah manuskrip, iaitu 'Membuka Linggi', 'Fasal Peringatan Orang Yang Mula-mula Membuka Linggi', dan 'Fasal Peringatan Orang Yang Mula-mula Membuka Linggi dan Yang Menjadi Ketuhaannya', telah memberikan tarikh yang agak tepat tentang bila Dolman membuka Linggi. Ketiga-tiga manuskrip tersebut telah memberikan tarikh yang sama. Tarikh yang dinyatakan ialah 'sanat 1215 Hijrah'. Namun, manuskrip 'Membuka Linggi' di dalam jeda di sebelah kiri pada bahagian awal teks memberikan dua tarikh, iaitu 'sanat 1215 ada juga yang menulis sanat 1212'. Manuskrip ini, bagaimanapun memulakan teksnya dengan menyatakan: 'Kepada sanat 1215⁵¹ Linggi itu mula-mula dibuka oleh Lebai Dolman. . . '

Dengan adanya dua tarikh di dalam jeda manuskrip 'Membuka Linggi' itu bererti manuskrip-manuskrip yang tidak dinyatakan tajuk, yang menjadi sumber, rujukan dan ambilan penyusun dan penulisan semula manuskrip ini (Membuka Linggi) telah memberikan dua tarikh yang berlainan, iaitu satu 'sanat 1215' dan kedua 'sanat 1212'. Kedua-dua tarikh Hijrah ini bersamaan tahun Masihi 1798 dan 1800. Perbezaan masa antara dua tarikh ini adalah kira-kira dua tahun. Tahun 1798 (sanat 1212 Hijrah) adalah tarikh yang diberikan oleh Muhammad Yusuf bin Ahmad (1970) dan juga Muhammad Ali bin Haji Abdul Aziz (1960:14) serta Gullick (1949:58).

Kedua-dua tarikh ini mungkin dapat diterima sebagai tahun Linggi dibuka, tetapi dilihat daripada dua prespektif berlainan. Tahun 1798 ialah tahun Dolman keluar dari Rembau dan berusaha mencari, dan kemudian menemui petempatan baru yang sesuai di Linggi. Mengikut manuskrip 'Surat Datuk Muda Linggi Muhammad Bastam Kepada Tuan Residen Negeri Sembilan', Haji Kassim dan Khatib Muda datang atau berpindah 'tiga tahun lebih kurang' selepas Linggi dibuka oleh Dolman. Pada sekitar tahun 1800 (sanat 1215 Hijrah) Linggi telah terdiri sebagai sebuah petempatan baru yang lengkap dan hampir semua orang Bugis pengikut Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah di Rembau telah berpindah ke Linggi.

1. Pangkalan Kundang ialah pekan Linggi sekarang.

2. Termasuk Pangkalan Manggis yang kini hanya tinggal nama sahaja. Pangkalan Durian dan Pangkalan Manggis terletak ke pedalaman sedikit di tebing anak sungai yang mengalir masuk ke Sungai Linggi lebih kurang setengah kilometer dari Pangkalan Kundang. Kedua-dua pangkalan ini terletak di tebing kiri anak sungai tersebut. Jika memudiki anak sungai itu, Pangkalan Manggis yang pertama ditemui, diikuti oleh Pangkalan Durian (Begbie, 1834:401).

3. Abdul Aziz bin Salleh semasa menjalankan penyelidikannya tentang sejarah Linggi telah menemui 13 manuskrip tempatan. Untuk keterangan lanjut lihat Abdul Aziz bin Salleh, *Sejarah Linggi dari TM 1800-74*, latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973:23-27.

4. Cikgu Abdul Samad bin Zainuddin telah dilahirkan pada tahun 1876 dan mendapat latihan perguruan di Maktab Melayu Melaka (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:25). Semasa hidupnya beliau banyak menyelidik sejarah Linggi dan mengumpulkan tulisan orang tua Linggi, yang sekarang tersimpan dengan Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Said bin Muhammad, bekas Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Beliau dipercayai mula menyelidik pada tahun 1912 apabila jawatan Datuk Muda Linggi telah kosong kerana berlaku perebutan (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:3). Beliau pernah dilantik sebagai Datuk Panglima Perang dan meninggal dunia pada 20.6.1966 ketika berumur hampir 90 tahun (Hamid Abdullah, *Perubahan Sosial di kalangan Masyarakat Keturunan Bugis di Linggi dan Kesannya ke Atas Masalah Kepemimpinan*, tesis Ph.D., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974:60).

5. Berdasarkan catatan di akhir manuskrip ini, besar kemungkinan ia telah ditulis pada sekitar bulan Julai 1917 bersamaan Ramadan 1335 Hijrah (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:185).

6. Haji Mohd. Bakhir telah dilantik menjadi Datuk Panglima Besar pada 25 September 1893. Tarikh lahir beliau tidak diketahui. Abdul Aziz bin Salleh telah menganggarkan tarikh lahirnya antara tahun 1840-an dan 1850-an (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:26).

7. Cikgu Abbas bin Zakaria telah dilahirkan pada tahun 1860. Beliau adalah cicit kepada Datuk Muda Haji Mohd. Salleh (1849-79) (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:27).

8. Imam Ambak bin Ishak telah dilahirkan pada 1.12.1901. Antara orang yang telah menceritakan kepadanya tentang sejarah Linggi ialah Abbas bin Zakaria (dilahirkan dalam tahun 1860) dan Cik Maimunah bt. Mohd. Rashid (meninggal pada tahun 1924, ketika berumur lebih kurang 80 tahun juga). Untuk keterangan lanjut lihat Mohamad Ali bin Dahlan *Linggi Perkembangan Sistem politikinya Abad 19 dan 20*, latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976:16.

9. Untuk manuskrip lengkap(?) lihat Abdul Aziz bin Salleh, 1973:181-3, Mohammad Ali bin Dahlan, 1976:282-3, Hamid Abdullah, 1984:367-8.

10. Untuk manuskrip lengkap(?) lihat Abdul Aziz bin Salleh, 1973:188-5, Mohammad Ali bin Dahlan, 1976:332-6.

11. Untuk manuskrip lengkap(?) lihat Mohammad Ali bin Dahlan, 1976:269; Hamid Abdullah, 1984:366.

12. Untuk manuskrip lengkap(?) lihat Abdul Aziz bin Salleh, 1973:184-5, Mohammad Ali bin Dahlan, 1976:284-5; Hamid Abdullah, 1984:369-70.

13. Untuk manuskrip lengkap(?) lihat Abdul Aziz bin Salleh, 1973:186-7, Mohammad Ali bin Dahlan, 1976:286-87; Hamid Abdullah, 1984:371-2.

14. Untuk manuskrip lengkap(?) lihat Abdul Aziz bin Salleh, 1973:169-98, Mohammad Ali bin Dahlan, 1976:337-8, Hamid Abdullah, 1984:373-4.

15. Lihat catatan Abdul Aziz bin Salleh (1973:39—nota kaki 3).

16. Muhammad Yusof bin Ahmad, 'Orang-orang Melayu Linggi', 1970. Risalah ini tidak diterbitkan tetapi telah dibuat salinan pendua (saiklostail).

17. Besar kemungkinan Muhammad Yusof bin Ahmad telah menggunakan, antara lain, pendapat Gullick (1949) sebagai sumber maklumatnya.

18. Gullick, 1949:58.

19. Lebai Kunut ialah suami Datuk Serilah, kakak Datuk Awaluddin. Beliau seorang guru agama. Mula-mula beliau mengajar di Sulawesi, dan kemudian di Riau setelah pindah dan menetap di situ.

20. Imam Ambak dalam manuskripnya tidak menyatakan dengan jelas.

21. Di mana mereka berhenti juga tidak disebut dengan jelas oleh Imam Ambak dalam manuskripnya.

22. Ayat ini telah dinyatakan secara lisan oleh Imam Ambak kepada Mohamunad Ali bin Dahlan. Maksud ayat ini antara lain ialah: 'Telah Kami beri Engkau ya Muhammad tujuh yang paling diulang-ulang dan Quran yang maha besar' (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:27 nota kaki 1).

23. Lihat huraian krisis ini dalam Bab 5.

24. Imam Ambak telah menceritakan hal ini kepada Mohammad Ali bin Dahlan dalam satu pertemuan di Kampung Tampin Linggi pada tahun 1974 (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:26).

25. Peristiwa ini akan dihuraikan di bahagian berikut nanti.

26. Antara lain adat ini memberi kebebasan kepada orang Bugis untuk mencari nafkahnya, mengembangkan potensi yang terdapat di dalam dirinya, mengikatkan dirinya kepada sesiapa sahaja yang berkenan di hatinya (Hamid Abdullah, 1982:46).

27. Keterangan lanjut lihat Bab 5.

28. Lihat Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz, 'Sejarah dan Adat Linggi', latihan Ilmiah (tidak diterbitkan), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1960. Beliau telah mendapat fakta ini daripada Tok Perang Abdul Samad bin Zainuddin (Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz, 1960:12, nota kaki 1).

29. Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz, 1960:8, nota kaki 3).

30. Pensejarahan dan persejarahan tradisi Rembau agak kabur tentang Raja Adil. Rekod Belanda menyatakan beliau telah hadir di Rembau pada tahun 1757. Beliau ialah seorang Bugis dan menjadi wakil kerajaan Johor-Riau di Rembau dan dianggap sebagai Raja Rembau II (1740-an–1778). Untuk keterangan lanjut tentang Raja Adil lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:154-63, serta nota kaki 26, hal. 169.

31. Mengikut Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz (1960:13) '... tempat kediaman orang Bugis di Penajis itu bersempadanan dengan Sawar (Sawah) Raja. Raja Ali tinggal di situ'. Kampung Sawar (atau hari ini dikenali sebagai *Sawah*) Raja terletak lebih ke hilir lagi, iaitu selepas Kampung Astana Raja. Justeru itu kampung ini tidak bersempadanan dengan (Kampung) Penajis. Menurut pensejarahan Rembau, Raja Ali, iaitu Yamtuan Rembau (1795:183), dan cicit kepada Raja Adil tidak tinggal di Sawar (Sawah) Raja. Mengikut Newbold (1836:66; 1839:126-30), rumah/istana Raja Ali terletak di Kampung Bandar, iaitu kampung yang pernah (diteroka) didiami oleh Datuk Awaluddin dan pengikut-pengikutnya.

32. Mengikut Wilkinson (1921:138) Penghulu Rembau pada masa itu ialah Datuk Lela Maharaja Uban. Ini tidak mungkin kerana Datuk Uban telah meninggal dunia pada tahun 1660.

33. Beliau ialah Tok Perang Abdul Samad bin Zainuddin, iaitu informan utama Mohamad Ali bin Hj. Abdul Aziz dalam perbincangan dan penulisannya (Mohamad Ali bin Hj. Abdul Aziz, 1960:12, nota kaki 1).

34. Dokumen rasmi yang menamatkan kekuasaan Bugis ini ialah satu perjanjian antara kerajaan Johor-Riau dengan Kompeni Belanda. Perjanjian ini terkenal dengan nama *Tractaat Van Altoos Durende, Getrouwe Vrient end Bondgenootschap, 10 November 1784*. Pihak Belanda yang menandatangani perjanjian itu ialah J.P. Van Braam dan pihak kerajaan Johor-Riau ialah Raja Bendahara, Raja Temenggung dan Raja Bongsu. Surat-surat perjanjian antara kesultanan Riau dengan pemerintah-pemerintah Kompeni Belanda 1784–1909 dapat dilihat dalam *Arsip Nasional Republik Indonesia*, Jakarta, 1970:11–31 (Hamid Abdullah, 1984:49).

35. Pada 18 Jun 1784 Raja Haji telah mati terbunuh dalam pertempuran menentang Belanda di Telok Ketapang, Melaka.

36. Peristiwa yang menjadi salah satu sebab Daing Kemboja balik ke Riau dari tempat buangnya di Pedas, Rembau.

37. KA 3049, Rahsia, Gabenor Melaka ke Betawi, 13 Oktober 1763, fo. 59.

38. Sarina Baharuddin, 'Masyarakat Bugis di Linggi—Satu Kajian Tentang Sebab Perpindahan Mereka dari Rembau ke Linggi'. Latihan ilmiah (tidak diterbitkan), Pusat Ilmu

Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1989.

39. 'Tanah Waris' ialah tanah yang tidak dipunyai oleh mana-mana suku. Ia dianggap sebagai dipunyai oleh suku pemerintah (Penghulu/Undang)—suku Biduanda. Dengan kata lain, segala tanah yang bukan diteroka sama ada untuk perkampungan atau petempatan dikategorikan sebagai tanah waris. Pembesar yang bertanggungjawab 'menganugerahkannya' kepada mana-mana pihak, baik individu atau kelompok, ialah Penghulu dan/atau Lem-baga suku Biduanda, Datuk Perba.

40. Salah satu tanda sempadan di antara wilayah Rembau dengan Melaka pada ketika itu ialah Bukit Beruang. Bukit Beruang terletak kira-kira enam kilometer dari Kuala Sungai Linggi dan terletak di tebing sebelah kiri atau di tebing yang sama dengan petempatan di Kuala Linggi (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:228).

41. Mengikut Mohamad Ali bin Hj. Abdul Aziz (1960:13) selepas Datuk Awaluddin balik semula ke Rembau, barulah Daing Kemboja datang semula ke Kuala Linggi untuk menjemput orang Bugis di Rembau balik ke Riau.

42. Mohamad Ali bin Hj. Abdul Aziz (1960:13, nota kaki 5), isteri Datuk Awaluddin yang beranakkan Abdul Rahman bernama Tok Pipit.

43. Lebih terkenal dengan gelaran Juragan Abdul Rahman.

44. Mengikut 'Manuskrip Imam Ambak' beliau bernama Napisah.

45. Raja Ali, Yamtuan Muda Rembau adalah keturunan Bugis. Ayahnya ialah Daing Alam Paki atau dikenali juga dengan nama Raja Aman. Daing Alam Paki berasal dari Selangor dan bersaudara dengan Raja Selangor (Wilkinson, 1911:23). Untuk keterangan lanjut asal usul dan ketualangan Raja Ali lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:179 dan seterusnya.

46. Mengikut 'Manuskrip Datuk Linggi Kedua', penolakan ini telah dilakukan oleh Abdul Rahman. Manuskrip tersebut mencatatkan '... ditolak oleh Juragan Abdul Rahman...' (dipetik oleh Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:31).

47. Adat Serah-Menyerah atau Menyerah ini adalah salah satu daripada adat nikah tidak lazim yang dibenarkan oleh Adat Perpatih. Dalam proses menyerah, seorang lelaki akan mendatangi rumah perempuan yang dikehendakinya. Lelaki tersebut akan datang dengan diiringi oleh beberapa orang sahabat karibnya. Mereka akan naik ke rumah seolah-olah menyerahkan diri dan meminta dikasihani oleh keluarga perempuan supaya menyampaikan hajatnya. Oleh sebab orang menyerah itu duduk diam sahaja di pangkal serambi, maka perbuatannya itu disebut juga sebagai menyerambi. Untuk keterangan lanjut tentang adat ini lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1996:222-4.

48. Lubang mandi mayat ialah bahagian rumah tempat mayat dimandikan sebelum di-kapan untuk disemadikan dan dikebumikan. Lubang ini selalunya terletak di bahagian tengah rumah. Bahagian ini dilantai dengan papan yang lebih kecil daripada lantai biasa lainnya dan disusun jarang-jarang. Ia boleh diangkat-angkat. Selain tempat memandikan mayat ia juga digunakan sebagai tempat orang beranak.

49. Mohamad Attas atau disebut juga Mohamad Kattas ialah cucu Datuk Awaluddin, dan anak kepada Rahimah.

50. Secara kebetulan istana Raja Ali pun terletak di Kampung Bandar (Newbold II, 1839:130; Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:206).

51. Abdul Aziz bin Salleh, (1973:47), telah membuat kesilapan menyalin petikan di sini. Beliau telah menyalin petikan itu sebagai 'kepada Sanat 1213 Linggi itu mula-mula dibuka...'; sedangkan teks lengkap manuskrip itu yang beliau salin sepenuhnya sebagai Lampiran A (Abdul Aziz bin Salleh, 1973: 181-2) mencatatkan sebagai 'kepada Sanat 1215 Linggi itu mula-mula dibuka...'